

Nilai etika elak·penyelewengan

# Lima ciri utama kukuhkan bank

Oleh IBRAHIM YAHAYA

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Penyayang dan berorientasikan perkhidmatan adalah antara lima ciri yang mesti diutamakan oleh sistem bank bagi mencapai matlamat Malaysia negara maju tahun 2020.

Empat lagi ciri utama yang digariskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad termasuklah stabil dan berdaya tahan, komited menyokong kegiatan yang produktif; cangih, berdaya saing, berkesan dan inovatif.

Beliau yakin kelima-lima ciri itu boleh diwujudkan jika ada kesungguhan di kalangan kakitangan bank, bermula daripada ketua eksekutif hinggalah kakitangan rendah.

“Jika Malaysia ingin menuju ke arah status negara maju, perolehan jangka pendek perlu disokong oleh wawasan jangka panjang.

“Dan sebarang wawasan jangka panjang perlu membabitkan pengorbanan dan sikap berhati-hati, dan sektor bank keseluruhannya perlu berusaha ke arah wawasan Malaysia maju tahun 2020,” katanya ketika berucap di Majlis Makan Malam Tahunan Institusi-institusi Kewangan di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan timbalannya, Haji Abdul Ghani Othman; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Hussein serta Pengerusi Persatuan Institusi-institusi Kewangan, Encik Ahmad Mohamad Don.

Perdana Menteri berkata, bank dan institusi kewangan perlu memainkan fungsi utama dan memikul tanggungjawab yang berat ke arah menjadikan negara ini sebuah negara maju.

“Negara memerlukan ciri-ciri yang bermutu daripada industri ini,” katanya.

Menyentuh ciri pertama iaitu penyayang dan berorientasikan perkhidmatan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata perkhidmatan bermutu menentukan sokongan penyimpan dan peminjam bank dan bukannya keluaran dalam ertikata sebenarnya.

“Mutu perkhidmatan bank yang asas boleh diperbaiki seperti mengurangkan tempoh masa pelanggan beratur, memendekkan tempoh memproses pinjaman, mengenakan kadar yang menarik dan keadaan yang adil serta memberi senyuman walaupun ketika berkata ‘tidak,’” katanya.

Menurutnya, bank perlu sentiasa dibimbing oleh sikap berhati-hati dan bukannya terpengaruh dengan cakap-cakap ‘orang di atas sudah meluluskannya.’

Perdana Menteri mengingatkan bank supaya berhati-hati ketika memberi pinjaman bagi urusan spekulasi dan pembelian saham yang melebihi harga yang disifatkannya sebagai sebahagian daripada keadaan kewangan moden.

Menurutnya, bank perlu sedar daripada pengalaman 1985 bahawa pinjaman seperti itu akan menjadi masalah dalam sekelip mata. Ketika itu, bank terpaksa menarik balik segala kemudahannya, menjadi tidak sabar, mengenakan penalti, merampas surat jaminan dan memfliskan pelanggan mereka.

“Walaupun langkah itu perlu dan akan menyelamatkan bank, tetapi perlu diingat orang yang muflis bukan saja membebankan mereka, tetapi juga kepada negara. Sebagai negara membangun, kita tidak mampu menghadapi semua itu,” katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga memberi amaran kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap pengambil deposit haram yang mehipu masyarakat di luar bandar.

“Kegiatan ini adalah sangat mengganggu terutama dalam usaha kita mengumpul

# PM minta bank bantu masyarakat desa menabung

29 AUG 1991  
DARI MUKA 1

simpanan dalam negeri bagi membiayai keperluan pelaburan yang semakin berkembang," katanya.

Menurutnya, walaupun bank mempunyai cawangan di luar bandar, industri bank masih belum dapat memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada masyarakat di situ.

"Walaupun sesetengah pendeposit adalah golongan yang tamak, kebanyakan mereka terjerumus dalam kegiatan ini kerana tertarik dengan keuntungan yang diperolehi menerusi skim cepat kaya," katanya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta bank membantu dan menggalakkan masyarakat luar bandar menyimpan dalam bank dan mendidik mereka agar tidak tertarik dengan skim cepat kaya.

Menurutnya, bank juga perlu bersedia membiayai pelaburan industri yang berskala besar oleh sektor swasta berikutan fungsi utama yang dimainkan oleh sektor pengeluaran dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Menurutnya, sistem bank yang lembap dan hanya bergantung kepada keuntungan yang besar akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan menghalang

kemajuan ke arah menjadi negara maju.

Dengan memetik contoh skandal dalam BCCI, urusniaga dalam Ivan Boesky, skandal Salomon Brother dan Nomura Sekuriti, Perdana Menteri mengingatkan intitusi kewangan supaya menanam nilai-nilai etika yang baik bagi mengelakkan jenayah kewangan seperti itu," katanya.

Bagi ciri keempat ia itu inovatif, Perdana Menteri berkata pelbagai perubahan dalam institusi kewangan seperti sistem sekuriti dan sistem masa hadapan kewangan yang amat berguna perlu diamalkan di masa akan datang.

Perubahan itu, katanya, perlu bagi sistem kewangan dalam negeri ke arah mewujudkan pusat berasaskan pasaran yang kukuh, membolehkan pembentukan modal, pertumbuhan ekonomi yang stabil dan simpanan.

Ciri terakhir bank ialah berdaya dan keupayaan untuk menghadapi pelbagai masalah kerana dengan sistem bank yang stabil membolehkan simpanan bank yang penting dan menyediakan aliran kredit yang berterusan bagi pembangunan negara.